

Minit Mesyuarat
Jawatankuasa Permuafakatan Aktiviti
Pusat Kegiatan Guru Bakri Bil. 1/2015

Tarikh : Selasa, 24 Februari 2015
Masa : Mulai 02.00ptg
Lokasi : Bilik Mesyuarat, SK Seri Bukit Batu, Muar
Pengerusi Mesyuarat : Encik Latib bin Kiat (Guru Besar SK Seri Bukit Batu)

Senarai Kehadiran :

- | | |
|------------------------------------|---|
| 1. Encik Latib bin Kiat | - Guru Besar SK Seri Bukit Batu (Pengerusi) |
| 2. Pn Phan Suan | - Guru Besar, SJKC Chung Hwa 2A (Naib Pengerusi (R)) |
| 3. Pn Teh Teow Yen | - Pegawai Teknologi Pendidikan PKG Bakri (Setiausaha) |
| 4. Pn Hatina bt Yaakob | - Pengetua SMKA Maahad Muar |
| 5. Tn Hj Mohd Taher bin Md Sap | - Guru Besar SK Bukit Naning |
| 6. Tn Hj Jasman Bin Kasran | - Guru Besar SK Ayer Hitam Batu 18 |
| 7. Tn Hj Mas'ood bin Idris | - Guru Besar SK Bakri Batu 5 |
| 8. Encik Loi Ker Heng | - Guru Besar SJKC Chung Hwa Presbyterian |
| 9. Cik Lee Shui Yuin | - Guru Besar SJKC Pu Nan |
| 10. Puan Ee Nai Fong | - Guru Besar, SJKC Chung Hwa 1A |
| 11. Puan Neo Kue Hwa | - Guru Besar, SJKC Yu Eng |
| 12. Pn Chua Poey Suan | - Guru Besar, SJKC Chin Terh |
| 13. Pn Nazirah Bt Hj Taib | - Guru Besar SK Parit Zain |
| 14. En Teo Meng Kian | - Guru Besar SJKC Chung Hwa 2B |
| 15. Puan Norazida Binti A. Dahalan | - Wakil Pengetua, SMK Bukit Naning |
| 16. Puan Fazidah Bt Muslim | - Wakil Pengetua, SMK Tun Dr Ismail |
| 17. Puan Chock Fei Yen | - Wakil Guru Besar, SJKC Pei Chai |
| 18. En Lim Chin Poh | - Wakil Guru Besar SJKC Chung Hwa 1B |

Urusetia :

- | | |
|------------------------|-----------------------------|
| 1. Puan Nora Bt Maarof | - Pembantu Tadbir PKG Bakri |
|------------------------|-----------------------------|

Turut Hadir

- | | |
|---|---|
| 1. Datin Hjh Che Normadiyah
binti Hj Che Abbas | - Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi
Pendidikan Negeri Johor |
| 2. Encik Mohd Esa bin Md Amin | - Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Unit Pengurusan
Teknologi dan Maklumat, Pejabat Pendidikan Daerah Muar |

Tidak Hadir:

- | |
|--------------------------------|
| 1. Guru Besar SK Simpang Jeram |
|--------------------------------|

1.0 UCAPAN ALUAN PENERUSI

- | | |
|-----|--|
| 1.1 | Tuan Pengerusi merakamkan selamat datang dan terima kasih kepada Datin Hjh Che Normadiyah binti Hj Che Abbas, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor, En. Mohd Esa bin Md Amin, penolong pegawai pendidikan, Pengurusan Teknologi dan Maklumat, PPD Muar, para pengetua, guru besar dan wakil-wakil pengetua dan guru besar ke mesyuarat JKPA Bil. 1/2015, PKG SK Seri Bukit Batu pada petang ini. |
|-----|--|

- 1.2 Tn Pengerusi meminta maaf kerana ini kali pertama beliau mempengerusikan mesyuarat JKPA PKG Bakri kerana baru bertukar ke sekolah ini pada Julai 2014.
- 1.3 Tn Pengerusi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada PKG Bakri kerana dapat menjalankan program Khidmat bantu PSS di sekolah ini pada tahun 2014 dan berharap agar PKG dapat terus memberi khidmat bantu kepada sekolah-sekolah ahli PKG Bakri terutama sekali dalam program VLE dan PSS.
- 1.4 Tn pengerusi merakamkan tahniah dan terima kasih kepada Datin yang sudi datang ke Mesyuarat JKPA ini dan menjemput Datin Che Normadiah Bt Haji Che Abbas memberi ucapan utama.

MAKLUMAN

2.0 UCAP UTAMA DATIN CHE NORMADIAH BINTI HAJI CHE ABBAS, KETUA PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

- 2.1 Datin merakamkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan En. Mohd Esa bin Md Amin, penolong pegawai pendidikan, Pengurusan Teknologi dan Maklumat, PPD Muar kerana meluangkan masa untuk bersama dalam mesyuarat JKPA Bil. 1/2015. Beliau rasa puas hati melihat kerjasama antara PPD dan PKG dan berharap ini dapat membantu sekolah.
- 2.2 Datin memperkenalkan diri. Beliau telah bertugas di BTP sebelum bertukar ke BTPNJ sebagai KPP. Datin memaklumkan beliau bersyukur kerana dapat kerjasama yang erat di antara BTPNJ dan JPNJ, untuk memastikan program-program dapat dijayakan.
- 2.3 Beliau mengucapkan terima kasih kepada pengetua dan guru besar kerana program KPM dijayakan oleh sekolah dibantu oleh PKG dan PPD. PKG lebih kepada aspek teknikal. PPD kepada aspek pedagogi.
- 2.4 Datin menasihati dan memesan Pengetua dan Guru Besar selalu memastikan prasarana sekolah seperti tandas dan paip dalam keadaan baik dan selalu bersedia menerima lawatan Tn Hj Alimuddin bin Md Dom, Tuan Pengarah JPNJ. Tuan Pengarah telah melawat lebih 120 sekolah tidak kira hari bekerja atau hujung minggu.
- 2.5 Sekolah Fokus adalah inisiatif dari Tuan Pengarah JPNJ. Sekolah fokus adalah sekolah yang mendapat *band rendah*. Sekolah-sekolah tersebut akan diberi lebih perhatian dan khidmat bantu dan dipantau setiap bulan Keadaan fizikal dan pedagogi diutamakan supaya suasana kondusif akan dapat merangsang murid-murid ke sekolah dan seterusnya menaikkan prestasi sekolah. PKG Bakri tiada Sekolah Focus.

MAKLUMAN

- 2.6 Datin memaklumkan Fungsi BTP turun ke fungsi PKG. Fungsi yang utama adalah program Pembacaan dan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah. Penarafan IQ-PSS merupakan satu panduan pengurusan PSS.

TINDAKAN: SEKOLAH

- 2.7 Semua sekolah wajib melengkapkan Data pembacaan dalam Perisian i-NILAM secara *online*. Data ini perlu selalu dikemas kini setiap bulan kerana data pembacaan ini yang digunakan oleh Pengarah BTP dalam mesyuarat Program Gerakan Tabiat Membaca. Data Johor selalu menjadi tumpuan dan ditanya soal dalam mesyuarat kerana negeri Johor dipamerkan di atas sekali dalam senarai negeri-negeri Malaysia.

TINDAKAN: SEKOLAH

- 2.8 Semua sekolah perlu memastikan Pusat Sumber Sekolah dapat mencapai nisbah buku. sekolah rendah, 1 murid: 15 buku dan sekolah menengah, 1 murid: 20 buku. Sekolah yang tidak cukup nisbah seperti di atas disarankan memohon bekalan buku dari BTPNJ pada tahun ini kerana BTPNJ mendapat lebih 400 ribu buah buku dari PPAJ. (Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor (PPAJ) dan Perpustakaan Negara Malaysia.

MAKLUMAN

- 2.9 Beliau juga maklumkan RM3.6 juta telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan peralatan ICT sekolah. Sekolah boleh mohon penyelenggaraan untuk komputer, laptop, LCD, printer dan rangkaian. Semua kerosakan wajib dilaporkan dalam *Support Ticketing Sistem* (STS) secara *online*. Proses kerja pada tahun ini adalah beza sedikit daripada tahun lepas kerana ia di bawah kontrak bermasa dan pelaksanaannya adalah mematuhi 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP).

MAKLUMAN

- 2.10 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) akan memberi sumbangan netbook kepada sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti. Sekolah lambat menerima netbook disebabkan sedang menunggu *charging cart* yang telah ditempah dari negara China, Semua netbook dan *charging cart* akan dihantar ke sekolah mengikut jadual SKMM. Bagi netbook dan *charging cart*, waranti adalah untuk 1 tahun. Sekolah diminta menerima *charging cart* dan netbook dulu. Semua netbook yang rosak boleh ditukar di PKG Jalan Tunku Bendahara sehingga 1 Jan 2016. PKG akan memaklumkan jadual penghantaran netbook dan *charging cart* ke sekolah. Guru yang hendak meminjam netbook juga boleh buat demikian di PKG Jalan Tunku Bendahara.

MAKLUMAN

- 2.11 Datin ucapkan tahniah kepada daerah Muar kerana sudah jadi kebiasaan untuk daerah Muar mendahului daerah lain dalam apa-apa program. Sekolah Rintis Abad Ke-21 akan jadi *benchmark*. Datin memaklumkan setiap PPD di Johor perlu memantau 10 buah Sekolah Focus. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JPNJ akan dibuat di setiap daerah, sebulan sekali dan semua Ketua Sektor akan melaksanakan Lawatan/pemantauan Sekolah Focus dan Sekolah Rintis Abad Ke-21 dan dijangka berada di daerah Muar pada bulan November 2015.

MAKLUMAN

- 2.12 Semua bahan MBMMBI telah diedarkan ke sekolah. Fungsi BTP adalah penghasilan dan pengedaran bahan. Hasil Audit KPM ke beberapa sekolah telah melaporkan penggunaan MBMMBI sebagai bahan sokongan pembelajaran adalah amat rendah. Datin berpesan agar set utama MBMMBI direkodkan dan disimpan di PSS. Sekolah boleh membuat rakam salin 2 set sahaja untuk dipinjam kepada guru-guru.

TINDAKAN: SEKOLAH

- 2.13 BTPNJ bercadang membuat rakaman video proses PdP guru menggunakan bahan MBMMBI untuk dijadikan panduan dan bimbingan kepada guru-guru lain di sekolah.

MAKLUMAN

- 2.14 Datin memaklumkan penggunaan VLE perlu dilaksanakan oleh setiap sekolah. Kerajaan telah melanggan perkhidmatan 1Bestarinet dan jika sekolah tidak menggunakan VLE, murid-murid yang rugi. Datin minta penggunaan VLE diperhebatkan lagi di setiap sekolah. Blog sekolah boleh dimasukkan ke dalam Laman VLE. Banyak sekolah tidak menggunakan pembelajaran secara *online* dan ini dapat dikesan secara *online* melalui KPI *dashboard*.

TINDAKAN: SEKOLAH

- 2.10 Setiap bulan, pelaporan tentang penggunaan chromebook dihantar kepada BTPNJ. Chromebook adalah projek KPM dan wajib digunakan oleh sekolah. Penggunaan Chromebook juga dapat dikesan secara *online*.

TINDAKAN: SJKC CHUNG HWA 2B DAN SMK TUN DR ISMAIL

- 2.11 Datin memaklumkan PKG juga akan menjalankan program khidmat bantu PSS dan pengurusan ICT untuk menaikkan pengurusan PSS. Sekiranya sekolah memerlukan LDAP, sekolah digalakkan menghubungi PKG kerana PKG dapat menyediakan pasukan pegawai untuk melaksanakan latihan VLE di sekolah.

MAKLUMAN

- 2.12 Akhir sekali, beliau telah mengarahkan PKG untuk memberi *password* dan ID kepada semua pentadbir supaya pentadbir (Guru Besar dan Penolong Kanan 1) dapat sama-sama membantu memantau penggunaan VLE di sekolah masing-masing. Penggunaan VLE mesti penuh (100%) di Sekolah Abad Ke-21. KPM telah menetapkan KPI 1 waktu 1 minggu bagi mata pelajaran teras.

Pn Teh Teow Yen memaklumkan, beliau akan hantar URL, ID dan *password* KPI Dashboard untuk pemantauan penggunaan VLE kepada pengetua dan guru besar melalui SMS.

TINDAKAN: PKG BAKRI DAN SEKOLAH

3.0 MAKLUMAN DARI PKG BAKRI

Puan Teh Teow Yen, selaku setiausaha Jawatankuasa telah membentangkan laporan dan makluman berikut:

- 3.1 Struktur Organisasi PKG Bakri yang terdiri daripada BTP, BTPNJ, PTP DG32, PTPDG29, PT N17 dan FT 17. Pada masa sekarang, jawatan PTP DG29 masih kosong.
- 3.2 *Speedtest* zoom 1Bestarinet telah dijalankan mengikut jadual pada tahun 2014. 17 buah sekolah telah dibekalkan 4 Zoom dan hanya 1 sekolah dibekalkan VSAT. 3 zoom perlu dihidupkan. Zoom rosak perlu dilaporkan kepada *helpdesk* supaya zoom simpanan dapat diaktifkan.

MAKLUMAN

3.3 Dongle

- 3.3.1 Maklumat tentang pembekalan dongle telah dikumpul oleh PKG melalui guru ICT sekolah. Dongle yang rosak akan diganti apabila BTPNJ dapat bekalan dari YTLC.
- 3.3.2 Pada tahun 2014, dongle yang rosak telah dihantar kepada PPD untuk mendapat penggantian. En Mohd Esa bin Mohd Amin (PPD) menerangkan dongle yang rosak telah dikumpul dan dihantar kepada YTLC dan PPD masih menunggu YTLC menghantar bekalan penggantian.
- 3.3.3 En Mohd Esa bin Mohd Amin (PPD) menjelaskan beliau telah menerima 213 dongle pada 1 Jan 2013. Semua dongle telah diagih ke sekolah mengikut senarai yang beliau terima dari Jabatan. Pada hari ini masih kekurangan 890 dongle atau 40 buah sekolah lagi belum dapat dongle di daerah Muar dan Ledang.

MAKLUMAN

- 3.4 Penyelenggaraan peralatan ICT sekolah

Beliau menerangkan secara ringkasnya Proses Kerja penyelenggaraan peralatan ICT 2015 seperti berikut:

- Guru ICT mengenal pasti peralatan ICT yang rosak.
- Guru ICT telefon kepada PKG memberitahu tentang kerosakan.
- Juruteknik PKG pergi ke sekolah untuk membuat verifikasi kerosakan pada peralatan. Borang Senarai Semak Pemeriksaan Kerosakan (SSPK) akan diisi oleh Juruteknik PKG.
- Juruteknik memaklumkan kepada sekolah untuk menyediakan Kew.PA-2 (buat salinan depan dan belakang) dan Kew.PA-9 serta ditandatangani oleh Guru Besar/ Pengetua.
- Sekolah membuat aduan dalam *Support Ticketing System (STS)* secara *online*.
- Setelah memastikan semua ada, PKG akan membuat aduan kepada vendor.
- Vendor akan berjumpa dengan sekolah, mengenal pasti kerosakan, mengambil dokumen dan membuat sebut harga kepada BTPNJ.
- BTPNJ akan menyemak dokumen dan membuat nota minta kepada Unit Kewangan.
- Setelah LO dikeluarkan, vendor diberi 1 bulan untuk melaksanakan penyelenggaraan.
- Sekolah tandatangan SAP setelah selesai penyelenggaraan
- Sekolah kemas kini kad Kew.PA-2 dengan butir-butir penyelenggaraan.

MAKLUMAN

3.5 Bahan Digital MBMMBI

Bahan digital MBMMBI untuk kegunaan sesi pembelajaran 2015, telah diedarkan kepada semua sekolah pada Disember 2014 dan Januari 2015.

Sekolah Menengah:

- i. Bahan digital MBMMBI Tingkatan 4
- ii. Bahan digital MBMMBI Tingkatan 5
- iii. Bahan digital MBMMBI Sekolah Menengah Atas
- iv. Bahan digital MBMMBI *Self Study Success*
- v. Bahan digital MBMMBI *Sky Software for Upper Secondary*

Sekolah Rendah:

- i. Bahan digital Bahasa Inggeris Year 5 & 6

MAKLUMAN

3.6 Program Anugerah Tokoh NILAM Peringkat Daerah Muar & Ledang Tahun 2015 akan dijalankan pada 3 & 4 Mac 2015 di Kompleks Bimbingan Usahawan Tani, Pagoh. Zon PKG Bakri telah dapat penyertaan dari 3 buah sekolah iaitu:

Kategori	Peserta	Sekolah
Sek Rendah BM	Nur Sahila binti Ruslan	SK Bakri Batu 5
Sek Rendah BI	Tey Yuen Xin	SJK(C) Chung Hwa Presbyterian
Sek Menengah BM	Nor Na'imatul Aqilah binti Mohd Yusoff	SMKA Maahad Muar
Sek Menengah BI	Muhammad Izzat bin Mohd Senan	SMKA Maahad Muar

MAKLUMAN

3.10 Anugerah Pusat Sumber Sekolah Cemerlang (APSS)

Pada tahun 2015, SK Bandar Tangkak dan SMK(P) SAB Muar akan mewakili daerah Muar dan daerah Ledang dalam pertandingan APSS. Pn Teh berharap pada tahun 2016, ada penyertaan dari sekolah ahli PKG Bakri untuk APSS

MAKLUMAN

3.11 Pn Teh memaklumkan PKG Daerah Muar dan Ledang telah memperoleh statistik bilangan waktu mengajar GPM daripada GPM. Statistik menunjukkan kebanyakan GPM diberi tugas mengajar lebih 20 waktu serta masa *relief* dan tiada masa untuk menguruskan PSS. Perkara ini telah

dilaporkan dalam Mesyuarat Bulanan Bersama PPD dalam bulan Ogos 2014. Justeru itu, semua PKG daerah mengharapkan penyelesaian dengan menyeru pihak pentadbir mengekalkan 10 waktu pengurusan PSS dalam jadual induk GPM. Diharapkan GPM tidak diberi kelas *relief* kerana 10 waktu ini diperlukan untuk pengurusan PSS. Ini satu cara sekolah dapat bantu dalam pengurusan PSS kerana sekolah tidak dapat mengurangkan waktu pengajaran GPM kepada 12 waktu.

TINDAKAN: SEMUA SEKOLAH

4.0 MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT YANG LALU

Puan Teh Teow Yen (Setiausaha) telah membentangkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pusat Kegiatan Guru Bakri Bil. 1/2014.

Pencadang: Tn Hj Jasman bin Kasran, Guru Besar SK Ayer Hitam Batu 18.

Penyokong: Pn Chua Poey Suan, SJKC Chin Terh.

Dipersetujui sebulat suara.

4.0 PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

MAKLUMAN

5.0 PEMILIHAN JAWATANKUASA PENGURUSAN AKTIVITI PKG BAKRI TAHUN 2015

Tn Hj Mas'ood bin Idris mencadangkan Jawatankuasa diatur semula oleh pihak PKG. Struktur jawatankuasa dikekalkan.

TINDAKAN: PKG BAKRI

Berikut adalah senarai Jawatankuasa 2015 / 2016 yang dipilih:

- Pengerusi : Guru Besar SK Seri Bukit Batu
- Naib Pengerusi (M) : Pengetua SMK Tun Dr Ismail Muar
- Naib Pengerusi (R) : Guru Besar SJKC Chung Hwa 2A
- Setiausaha : Pegawai Teknologi Pendidikan 1 PKG Bakri
- Penolong Setiausaha : Pegawai Teknologi Pendidikan 2 PKG Bakri
- Latihan Dan Penghasilan : Pengetua SMK Maahad Muar
- Teknologi Maklumat : Guru Besar SK Parit Zin
- Pembangunan PSS : Pengetua SMK Bukit Naning
- Sosial dan Kebajikan : Guru Besar SJKC Chung Hwa Presbyterian

MAKLUMAN

6.0 MEMBENTANG DAN MEMBINCANGKAN PROGRAM/ AKTIVITI TAHUN 2015

- 6.1 Pengerusi membentangkan perancangan Aktiviti PKG 2015. Beberapa aktiviti tahun 2015 yang telah dijalankan juga disenaraikan (rujuk Dokumen Mesyuarat, muka surat 16).
- 6.2 Jawatankuasa menerima perancangan yang telah diaturkan.

MAKLUMAN

7.0 HAL-HAL LAIN

- 7.1 Tn Hj Mas'ood bin Idris (SK Bakri batu 5) mencadangkan supaya Jawatankuasa disusun semula atau rombak kecil supaya JK lebih berfungsi

TINDAKAN: PKG BAKRI

- 7.2 Pn Hatina binti Yaakob (SMKA Maahad Muar) meminta PKG menyenaraikan skop kerja setiap jawatankuasa supaya jawatankuasa dapat bergerak lebih aktif dalam penglibatan aktiviti PKG.

TINDAKAN: PKG BAKRI

- 7.3 Pn Ee Nai Fong (GB SJKC Chung Hwa 1A) bertanya tentang Laman GBS sekolah yang telah digunakan oleh sekolah untuk menyampaikan maklumat kepada ibu bapa dan guru-guru. Ia telah lama digunakan dan dibiayai oleh PIBG.

Maklumbalas:

En Esa bin Mohd Amin (PPD) menerangkan VLE adalah produk kerajaan dan wajib digunakan. Sekolah perlu memohon kepada BTPNJ untuk mendapat pengecualian.

TINDAKAN: SJKC CHUNG HWA 1A

- 7.4 Tn Hj Mohd Taher bin Md Sap (GB SK Bukit Naning) mencadangkan pihak PKG menyediakan carta gantt atau takwim aktiviti PKG Bakri.

Maklumbalas:

PKG Bakri akan sediakan carta gantt aktiviti PKG dan menghantar kepada sekolah ahli dalam masa dua minggu.

TINDAKAN: PKG BAKRI

- 7.5 En Esa Bin Md Amin memberi gambaran hasil pemantauan PPD dan meminta sekolah memastikan

- Mewujudkan jawatankuasa VLE di sekolah.
- KPI Jabatan ialah penghasilan 1bahan, 1 panitia, 1 minggu
- KPI PPD Muar ialah 1 bahan, 1 panitia, 1 bulan
- Perlu ada pelan tindakan VLE sekolah (seperti perancangan strategik)
- Sekolah jangan tukar Admin VLE
- Sekolah perlu kenal pasti teknologi 1bestarinet yang ada di sekolah seperti Zoom, OCPE dan VSAT.
- Go Pack Life boleh dijadikan bahan promosi.
- VLE adalah projek tersembunyi untuk pembelajaran abad ke-21. Pengetua dan GB disarankan selalu memantau dan menggalakkan guru-guru menggunakan VLE dalam PdP. Semua guru mesti ada laman PdP khasnya guru cemerlang.

TINDAKAN: SEKOLAH

7.6 Pn Hartina menawarkan sekolah SMKA Maahad Muar untuk menyertai APSS tahun 2016.

TINDAKAN: PKG BAKRI

8.0 PENUTUP

- 8.1 Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang telah hadir untuk menjayakan mesyuarat pada petang ini.
- 8.2 Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.45 petang dan Mesyuarat JKPA Bil. 2/2015 dijangka diadakan pada bulan Oktober 2015.

Disediakan oleh,
Teh Teow Yen
Setiausaha,
Jawatankuasa Permuafakatan Aktiviti
PKG Bakri, Muar
24 Februari 2015